



SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN

KENYATAAN MEDIA

SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

24 Jamadilawal 1443 / 29 Disember 2021

1. Pada hari ini, Rabu 24 Jamadilawal 1443 bersamaan dengan 29 Disember 2021, sebanyak **4 kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan yang membawa **jumlah keseluruhan kes COVID-19 kepada 15,465 orang**.
 - Daripada jumlah tersebut, **3** adalah kes tempatan manakala **1** adalah kes import.
 - Jumlah kes baru ini adalah hasil daripada **2,675 jumlah ujian makmal** yang dilakukan dalam tempoh 24 jam yang lalu. Oleh itu, kadar kes positif pada hari ini ialah sebanyak **0.1%**.
2. Di kalangan kes-kes yang sedang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan, **tidak ada kes dalam Kategori 4** (memerlukan bantuan oksigen dan di bawah rawatan rapi) dan **satu kes masih dalam Kategori 5** (memerlukan bantuan mesin pernafasan dan

bantuan mesin tambahan *heart/lung machine*, ECMO di Unit Rawatan Intensif).

3. **1 kes telah disahkan sembuh** pada hari ini yang membawa jumlah kes yang sembuh di Negara Brunei Darussalam kepada **15,265 kes** manakala jumlah kes aktif ialah sebanyak **100 kes**. Sementara itu, kadar pengisian di pusat-pusat pengasingan di seluruh negara atau *bed occupancy rate* ialah sebanyak **2.7%**.
4. Sehingga kelmarin, 28 Disember 2021, pencapaian Program Vaksinasi Kebangsaan adalah seperti berikut:
 - Kadar keseluruhan penduduk yang telah menerima sekurang-kurang satu dos vaksin ialah **94.5%**;
 - Kadar bagi yang telah menerima dua dos vaksin ialah **93.2%**; manakala
 - Kadar bagi yang telah menerima tiga dos ialah **17.9%**.
5. Bagi sekatan pergerakan yang dijalankan dari jam 10 malam semalam hingga 4 pagi tadi, **sebanyak 5 pelanggaran arahan** telah dikeluarkan denda kompaun di seluruh negara di mana **4 daripadanya** adalah pelanggaran arahan untuk berada di rumah.

6. Marilah kita berdoa dan bertawakkal kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala mudah-mudahan Negara Brunei Darussalam sentiasa di dalam perlindungan Allah Subhanahu Wa Ta'ala dan kitani semua terselamat dari segala musibah dan mara bahaya khususnya dari wabak COVID-19...Aamiin Ya Rabbal 'Alamin

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 24 Jamadilawal 1443H / 29 Disember 2021